



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN TAJAAN CARUMAN SKSPS
DAN SKSSR SERTA PERTUKARAN SURAT NIAT
KERJASAMA JWP DAN PERKESO

3 JULAI 2024

PASAR DAN PUSAT PENJAJA JALAN WIRAWATI
KAMPUNG PANDAN, KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ

الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ

الْعَالَمِينَ،

وَالصَّلَاةِ

وَالسَّلَامِ عَلَى

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

أَشْرَفِ

المرسلين و
وعلى آله
وصحبه أجمعين

SALUTASI AKAN DISEDIAKAN

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita menzahirkan kesyukuran ke hadrat

Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya, dapat kita semua berhimpun dalam Majlis Penyerahan Tajaan Caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri atau SKSPS dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah atau SKSSR serta Pertukaran Surat Niat di antara Jabatan Wilayah Persekutuan dan PERKESO.

2. Saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran YB Steven Sim, Menteri Sumber Manusia yang

turut hadir bersama-sama dalam majlis kita pada petang ini. Kehadiran dua orang Menteri ke program ini (saya dan juga YB Steven) menunjukkan pentingnya inisiatif ini merentasi Kementerian untuk kita laksanakan khususnya dalam mendepani dan mengadaptasi cabaran sosial di Wilayah Persekutuan ini. Terima kasih sekali lagi YB Steven.

3. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua peniaga, usahawan, penjaja dan suri rumah

yang dapat meluangkan masa untuk hadir ke majlis pada petang ini.

**ISU KEMISKINAN BANDAR DAN
KEPINCANGAN JANGKAUAN
PERLINDUNGAN SOSIAL**

Para hadirin sekalian,

4. Aspek kemiskinan bandar merupakan satu konteks yang tidak boleh ditinggalkan dalam memastikan ibu kota terus kekal seimbang dan berdaya huni. Dengan itu, isu kemiskinan tegar ini perlu diberi perhatian yang serius agar dapat merealisasikan aspirasi YAB Perdana Menteri untuk menoktahkan kemiskinan tegar.

5. Dalam konteks keampuhan perlindungan sosial, saya ingin memetik satu laporan yang dikeluarkan oleh UNICEF pada Mei 2024. Laporan ini telah menzahirkan hasil tinjauan

kepada 755 isi rumah berpendapatan rendah yang tinggal di 16 perumahan kos rendah di Kuala Lumpur.

6. Ada dua dapatan utama yang menarik perhatian saya dan ingin saya kongsi, iaitu:

a. pertama, masih terdapat kepingangan kepada jangkauan dan akses kepada program bantuan sosial. Dapatan ini sebenarnya menunjukkan

ketidakseimbangan dalam pengagihan bantuan sosial, di mana sebilangan isi rumah yang layak, masih tidak mendapat manfaat daripada bantuan yang disampaikan oleh Kerajaan. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk kita memperbaiki mekanisme penyampaian bantuan sosial demi memastikan ianya mencapai semua isi rumah yang memerlukan, terutama golongan berpendapatan rendah dan terdedah kepada kejutan ekonomi (*economic shock*).

b. kedua, dalam kalangan responden yang bekerja sendiri pula, 92% daripada mereka tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi terhadap kejutan ekonomi. Ini disebabkan oleh kekurangan perlindungan sosial dalam bentuk caruman KWSP dan juga PERKESO.

7. Melalui dapatan yang pertama, kita mengambil maklum memandangkan insiden kemiskinan tegar ini adalah bersifat dinamik. Ianya adalah sesuatu

yang bergantung kepada faktor luar kawalan seperti kematian, hilang upaya dan kehilangan pekerjaan dalam sesebuah keluarga. Boleh jadi, jika hari ini seseorang itu berada dalam kategori M40 atau T20, tetapi kerana kehilangan pekerjaan disebabkan faktor-faktor tertentu, mereka terus boleh dikategorikan kepada miskin atau miskin tegar.

SKSSR DAN SKSPS SEBAGAI SALAH SATU USAHA INISIATIF LINDUNG @ PUJI

8. Manakala sebagai respon kepada dapatan yang kedua laporan tersebut,

pada hari ini hasil kerjasama di antara Jabatan Wilayah Persekutuan dan PERKESO, kita akan memperhebatkan lagi inisiatif Lindung @ PUJI dengan melibatkan dua golongan rentan dan mereka yang memerlukan perlindungan sosial.

9. Pertama adalah suri rumah yang memenuhi kriteria melalui Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) dan kedua penjaja dari program Lestari Niaga di Kuala Lumpur

melalui Skim Keselamatan Sosial
Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

10. Untuk kumpulan pertama iaitu suri rumah, Jabatan Wilayah Persekutuan akan mencarum sebanyak RM 120.00 seorang, untuk bulan pertama, melibatkan peruntukan berjumlah RM 52,080.00 melalui SKSSR yang

akan memberi manfaat kepada 434 orang suri rumah di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. SKSSR ini bakal menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah tangga.

11. Manakala, bagi kumpulan yang kedua pula iaitu penjaja dalam program Lestari Niaga. Ini merupakan potensi kerjasama dengan PERKESO dalam memperpanjangkan caruman SKSPS ini kepada penjaja di Kuala Lumpur. Secara asasnya, caruman penuh

SKSPS adalah berjumlah RM 232.80 sebulan. 90% daripada caruman tersebut atau RM 209.50 akan ditanggung oleh Kerajaan melalui Geran Padanan Caruman yang telah diumumkan pada Belanjawan 2024 yang lalu, dan baki 10% daripadanya, atau sejumlah RM 23.30 perlu ditanggung oleh pencarum sendiri.

12. Maka pada kali ini DBKL dengan sukacitanya akan menaja 10% caruman ini bagi bulan pertama, dan ini akan memberi manfaat kepada 2,095 orang penjaja Lestari Niaga dengan syarat mereka melepasi saringan yang telah ditetapkan iaitu: pertama, mempunyai lesen aktif; kedua, tiada

tunggakan sewa; ketiga, tiada tunggakan kompaun DBKL; dan keempat, tiada perlindungan aktif dari PERKESO.

13. DBKL akan membuka ruang dan peluang ini sehingga bulan November 2024 dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
14. InsyaAllah, JWP dan DBKL sedang meneliti untuk menjadikan caruman ini sebagai syarat wajib memohon lesen

perniagaan pada masa yang akan datang.

HALA TUJU BAHARU DAN INISIATIF PROGRAM USAHA JAYA INSAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

YB Steven dan para hadirin sekalian,

15. Lindung @ PUJI yang saya sebutkan tadi adalah merupakan salah satu inisiatif kepada Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang merupakan *flagship program* di Jabatan Wilayah Persekutuan.
16. Untuk makluman YB Steven dan semua, peranan PUJI ini adalah untuk

penstrukturan semula sebagai *one stop centre* kepada semua inisiatif dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan kepada warga Wilayah Persekutuan dalam kategori B40, dan ia juga menyediakan *exit strategy* kepada mereka yang berada dalam kategori miskin tegar.

17. Alhamdulillah, pada tahun 2023, kita telah berjaya menoktahkan kemiskinan tegar berdasarkan *locked data* yang kita terima daripada Sistem eKasih. Namun, seperti yang saya maklumkan sebentar tadi, insiden kemiskinan tegar ini sifatnya dinamik dan rentan. Walau bagaimanapun, intervensi Jabatan Wilayah Persekutuan akan terus

digiatkan dari semasa ke semasa untuk memastikan kesemua mereka yang berada dalam kategori ini, disantuni.

18. Isu kemiskinan ini sebenarnya bersifat *multidimensional*. Melalui PUJI, JWP telah merangka enam inisiatif merangkumi Upaya, Ihsan, Lindung, Ilmu, Sihat dan Infra. Kesemua ini adalah antara dimensi yang kita telah kenal pasti perlu untuk ditekankan dalam menyelesaikan isu kemiskinan ini secara lebih holistik.

19. Sebagai contoh, salah satu program di bawah inisiatif Ilmu @ PUJI adalah MySchoolBus @ Wilayah yang merupakan program bas sekolah percuma kepada anak-anak dari keluarga B40 yang tinggal di 140 kawasan PPR, kuarters dan perumahan kos rendah.
20. Alhamdulillah, bagi sesi persekolahan tahun ini, seramai 8,075 orang pelajar daripada 296 buah sekolah di sekitar Kuala Lumpur telah menggunakan perkhidmatan ini. Selain itu, program MySchoolBus @ Wilayah ini juga melibatkan seramai 108 orang pengendali bas sekolah dengan 221 buah kenderaan yang terlibat. Boleh

dikatakan bahwa program MySchoolBus @ Wilayah ini dapat kita jadikan contoh ekosistem jangka panjang yang ingin diwujudkan hasil PUJI.

21. Saya sebenarnya percaya, peluang untuk mengubah nasib keluarga itu boleh dizahirkan melalui ilmu. Melalui program MySchoolBus @ Wilayah yang saya jadikan sebagai contoh sebentar tadi, secara jangka pendeknya membantu ibu bapa yang tidak berkemampuan dan memastikan anak-anak mereka datang ke sekolah dan menerima pelajaran yang terbaik.

22. Manakala, secara jangka panjangnya pula, setelah mendapat pelajaran yang terbaik, anak-anak ini boleh meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi dan mendapat pekerjaan dengan gaji yang baik, seterusnya pada akhirnya dapat mengubah nasib keluarga mereka serta kembali membantu masyarakat.

23. Selain itu, satu lagi contoh program di bawah *flagship* PUJI adalah Program Mata Hati Wilayah yang merupakan salah satu inisiatif Ilmu @ PUJI dan Sihat @ PUJI. Melalui program ini, JWP telah menyaring 3,000 orang anak-anak sekolah rendah di Kuala Lumpur dan membekalkan cermin mata kepada 500 orang yang benar-benar memerlukan agar mereka dapat belajar dengan lebih selesa.

24. Daripada saringan awal yang dilakukan, hampir 60% anak-anak yang disaring mengalami masalah rabun dan mereka tidak tahu bahawa mereka mengalami masalah tersebut. Intervensi seperti ini lah penting untuk kita pastikan agar langkah yang lebih proaktif perlu diambil untuk mengenalpasti dan menyelesaikan masalah seperti ini.

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

25. Saya yakin apa sahaja usaha, dasar serta penyelesaian yang dirancang oleh Kerajaan untuk manfaat rakyat perlu dilaksanakan secara penglibatan bersama oleh semua pihak melalui pendekatan *whole of nation* seperti kerjasama di antara JWP dan PERKESO pada hari ini. Kita perlu pecahkan ruyung dengan memecahkan sifat *territorial* dan *silo* antara semua pihak agar impak kepada usaha-usaha tersebut dapat

mencapai tahap yang semaksimal mungkin, demi kepentingan rakyat.

26. Kepada penerima-penerima penajaan caruman ini, saya berharap agar tuan-tuan dan puan-puan semua dapat memberikan komitmen sepenuhnya untuk meneruskan caruman bagi bulan-bulan seterusnya dalam skim perlindungan sosial yang telah dirangka khas oleh Kerajaan ini agar ianya dapat membantu tuan-tuan dan puan-puan serta keluarga ketika saat memerlukan.

27. Akhir kata, saya ingin kuntumkan sekalung penghargaan kepada rakan saya, YB Steven Sim kerana dapat bersama-sama kita pada petang ini bagi pelancaran tajaan caruman kedua-dua skim ini serta bersama-sama menyaksikan sesi pertukaran *Letter of Intent* di antara JWP dan PERKESO.

28. Semoga kerjasama erat ini dapat kita teruskan dan manfaat kepada kerjasama ini pastinya adalah untuk rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah
wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.